



**PEJABAT PEMBANGUNAN
NEGERI TERENGGANU
(ICU JABATAN PERDANA MENTERI)**

BORANG SEBUTHARGA UNTUK:

**SEBUTHARGA NO. PPNT/SH/ 2020 /14
MEMBINA DAN MENYIAPKAN LONGKANG
SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI
SIMPANG ALOR MAK BAH KG. BEMBAN
DUNGUN**

TARIKH TUTUP : 16.08.2020 - 12.00 Tgh
KELAS : G1
KEPALA/KEPALA KECIL: Kejuruteraan Awam (CE)

NAMA KONTRAKTOR :
TARIKH AMBIL BORANG:

**PENGARAH PEMBANGUNAN NEGERI
TERENGGANU**

BORANG SEBUTHARGA
SEBUTHARGA NO. PPNT/SH/2020/14

Pengarah Pembangunan Negeri
Terengganu.

Tuan,

SEBUTHARGA NO. PPNT/SH/2020/14

**MEMBINA DAN MENYIAPKAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA
BERKAITAN DI SIMPANG ALOR MAK BAH KG. BEMBAN DUNGUN**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, Syarat-syarat
Sebutharga Spesifikasi Kerja dan penentuan sebutharga, saya yang
bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana
dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak,

Ringgit :

.....

iaitu, RM

Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam tempoh masa _____
minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan pesanan
kerajaan..

Bertarikh pada _____ haribulan _____ 2020

.....
(Tandatangan Penyebutharga)

Nama penuh :

No. K/P :

Alamat :

.....

Atas sifat :

No. Tel :

Cop Kontraktor

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama penuh :

No. K/P :

Alamat :

.....

.....

SEBUTHARGA NO : PPNT/SH/ 2020 /14**MEMBINA BARU LONGKANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SIMPANG JALAN ALOR
MAK BAH KG BEMBAN DUNGUN**

Bil	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR	JUMLAH (RM)
	<u>PERINGATAN</u>				
1	Semua kerja-kerja pembinaan pembekalan dan pemasangan hendaklah mengikut pelan-pelan penentuan dan spesifikasi yang telah ditetapkan serta arahan Pegawai Penguasa dan arahan di tapakbina.				
2	Semua kuantiti yang terdapat dalam Sebutharga ini adalah merupakan kuantiti sementara dan tertakluk kepada pengiraan semula di tapakbina setelah semua kerja-kerja siap disempurnakan.				
3	Kadar Harga atau Harga pukal setiap kerja yang disenaraikan adalah dikira termasuk harga dan kos bahan-bahan binaan, peralatan, jentera, loji, tenaga pekerja, cukai-cukai, keuntungan, kos pengurusan dan semua keperluan yang terlibat.				
4	Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah di masukkan di dalam butiran-butiran lain dan pemborong juga telah dianggap telah membaca syarat-syarat Sebutharga bersama-sama pelan dan spesifikasi untuk memastikan sendiri liputan kerja terlibat, sebelum menghargakan sebutharganya. Ini adalah kerana sebarang tuntutan tambahan kepada bayaran berhubung dengan perkara-perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.				

Bil	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR	JUMLAH (RM)
1.00	KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM:-				
1.1	Mengadakan Polisi insuran kerja berkaitan Insuran Tanggungan Awam(Public Liabiliti) dan Insuran Pampasan Pekerja (Workmen Compensation)	Pukal		RM.....
1.2	Pemeriksaan tapak, membawa masuk/ mengeluarkan segala tenaga/peralatan kerja, pengawasan, perlindungan dan segala kerja permulaan serta kelengkapan lain berkaitan.	Pukal			RM.....
1.3	Mengemas dan membersihkan kawasan kerja pembinaan sehingga memuaskan apabila kerja disiapkan.	Pukal			RM.....
1.4	Laporan Bergambar kemajuan kerja (sebelum,semasa dan selepas 3 salinan)	Pukal			RM.....
1.5	Melaksanakan pengurusan surat akuan, penyerahan projek sebagaimana di arahkan.	Pukal			RM.....
2.00	<u>MEMBINA BARU LONGKANG</u> (Kuantiti Sementara)				
2.01	Membekal segala keperluan bagi melaksanakan kerja ukur tapak oleh jurukur berlesen (ukur sempadan, aras asal tanah dan cadangan aras dasar longkang) serta menyediakan pelan ukur 3 salinan	Pukal			RM.....
2.02	Membekal segala keperluan bagi membersihkan tapak dan membawa keluar segala bahan yang tidak sesuai dari tapak bina termasuk kerja berkaitan sebagaimana diarahkan	M ²	2000	RM.....
2.03	Membekal segala keperluan bagi membekal dan memasang longkang ' U ' 900 mm x 1000 mm x 900 mm termasuk kerja korekan, lapisan pasir 100 mm tebal untuk pengarasan, sambungan mortar, kerja menimbus kembali dan meratakan tanah serta kerja-kerja lain yang berkaitan sebagaimana diarahkan oleh PP atau wakilnya.	M	300	RM.....
	JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUTHARGA				RM.....

Bil	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR	JUMLAH /RM
	<u>MEMBINA BARU LONGKANG (SAMB)</u> (Kuantiti Sementara)				
2.04	Menyediakan semua keperluan bagi membekal dan memasang penutup longkang 900 mm x 1000 mm termasuk kerja-kerja yang berkaitan sebagaimana diarahkan	M	30	RM.....
2.05	Menyediakan semua keperluan bagi membina dan menyiapkan dinding batu bata 225 mm tebal termasuk kerja melepai pada permukaan terbuka dan kerja lain yang berkaitan sebagaimana diarahkan	M ²	120	RM.....
2.06	Menyediakan semua keperluan bagi membina dan menyiapkan 'wingwall, headwall dan apron slab' untuk 'outlet' longkang 900 mm sebagaimana lukisan disertakan termasuk kerja-kerja berkaitan sebagaimana diarahkan	Pukal			RM.....
3.00	<u>'GABION'</u> (Kuantiti Sementara)				
3.10	Menyediakan segala keperluan bagi membekal dan memasang 'gabion' bersalut 'pvc' termasuk 'hadkor' 150 mm tebal sebagaimana butiran berikut				
	i. Membekal dan memasang 3.0m x 1.0m x 1.0m (Mesh wire 2.7mm diameter dan mesh size 8cm x 10cm) raga gabion disaluti PVC (PVC coated galvanised wire gabion) dengan isian batu	NO	18.00	RM.....
	ii. Membekal dan memasang 2.0m x 1.0m x 1.0m (Mesh wire 2.7mm diameter dan mesh size 8cm x 10cm) raga gabion disaluti PVC (PVC coated galvanised wire gabion) dengan isian batu	NO	16.00	RM.....
	iii. Membekal dan memasang 1.0m x 1.0m x 1.0m (Mesh wire 2.7mm diameter dan mesh size 8cm x 10cm) raga gabion disaluti PVC (PVC coated galvanised wire gabion) dengan isian batu	NO	14.00	RM.....
	JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUTHARGA				RM.....

SEBUTHARGA NO : PPNT/SH/ 2020 /14

**MEMBINA BARU LONGKANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SIMPANG JALAN ALOR
MAK BAH KG BEMBAN DUNGUN**

BIL	PERIHAL KERJA	DARI MUKA SURAT	JUMLAH / RM
1	KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM/BINA BARU LONGKANG	M/S-2	
2	BINA BARU LONGKANG DAN 'GABION'	M/S-3	
JUMLAH DI BAWA KE BORANG SEBUTHARGA			

Tanda tangan Kontraktor

Nama dan Alamat Kontraktor/Cop Kontraktor

No. Telepon

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA

2.1 Penyediaan Sebutharga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga, tandatangan kontraktor dan cop syarikat di Ringkasan Sebutharga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang sebutharga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan, (sila sertakan Salinan inden/Salinan surat tawaran)
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)
- (f) Mengemukakan salinan lesen SPKK, Perakuan Pendaftaran CIDB, BPKU dan Salinan SSM,
- (g) Surat Akuan Pembida (Borang Intergrity Pact)
- (h) Senarai semak yang telah ditanda dan disahkan dengan tandatangan kontraktor

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas pada semua pembetulan.

2.2. Penyerahan Dokumen Sebutharga

- (a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatitkan dengan bilangan no. Sebutharga, serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebutharga.
- (b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Petender hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada masa atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

2.3. Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

4. TEMPOH SAH SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

5. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **7 minggu**. Mana-mana penyebutharga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh siap maksimum yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

1. Kelayakan Memasuki Tawaran Kerja

1.1 Tawaran sebhutharga kerja ini hanya dipelawa kepada Kontraktor Bumiputra yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)/Lembaga Perindustrian Pembinaan Malaysia (CIDB) kelas 'G1' dibawah Kepala Kejuruteraan Awam (CE)

1.2 Pemborong yang mempunyai akuan kebenaran khas memasuki tawaran daripada PKK dalam kepala dan sub-kepala diatas juga boleh diterima membuat tawaran sebhutharga ini dan hendaklah mengemukakan surat tawaran tersebut semasa memasuki tawaran ini.

1 Pemereksaan Tapakbina dan Penerangan Kerja.

1.1 Kontraktor adalah dinasihatkan untuk melawat dan memeriksa tapakbina untuk meneliti secara terperinci keadaan tapak dan bentuk perancangan kerja yang akan dilaksanakan. Segala perbelanjaan untuk peninjauan ditapakbina berkenaan adalah diatas tanggungan Kontraktor sendiri

1.2 Kontraktor adalah dibenarkan membuat pertanyaan pada waktu-waktu Pejabat sekiranya tidak memahami tataatur kerja dan pelan tawaran sebelum tarikh sebhutharga ditutup.

1.3 Kontraktor juga dibenarkan memereksa perincian syarat-syarat memasuki tawaran, sebhutharga, syarat kerja dan dokumen-dokumen serta pelan yang berkaitan yang dipamirkan dibilik tawaran kerja Pejabat ini.

2 Insuran dan Skim Perlindungan Kerja

Kontraktor hendaklah diatas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor menyediakan dan mengambil jaminan perlindungan seperti berikut :-

- i) Insuran Keselamatan Pekerja atau Perlindungan Pekerja dibawah pendaftaran dengan PERKESO/SOCSO bagi semua pekerja tempatannya.
- ii) Insuran Liabiliti Harta Awam dan/atau Insuran Kerja adalah meliputi tempoh kerja dan tempoh kecacatan iaitu 6 bulan selepas siap

bagi tempoh tempoh pelaksanaan inden ini.

Semua polisi insuran atau Nota-Nota Perlindungan dan resit bayaran premium (bagi sementara waktu) dan nombor pendaftaran dengan PERKESO diatas dikehendaki dikemukakan kepada Pegawai Inden sebelum memulakan kerja.

3 Peraturan Pelaksanaan Kerja

Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam ringkasan sebutharga dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam dokumen sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

4 Kegagalan Kontraktor Memulakan Kerja.

Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam inden kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, inden kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor.

5 Sub – Sewa Dan Menyerah Hak Kerja

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah inden kerja ini tanpa terlebih dulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6 Penolakan Bahan, Barang Dan Kerja Oleh Pegawai Inden.

Pegawai Inden atau wakilnya menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi, bahan, borang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

7 Percanggahan Dalam Dokumen Sebutharga.

Jika kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam dokumen sebutharga, beliau hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

8 Kegagalan Kontraktor Menyiapkan Kerja Dan Penamatan Perlantikan Kontraktor.

Pegawai inden berhak membatalkan inden kerja sekiranya kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- (a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- (b) Kemajuan kerja terlalu lembap tanpa apa-apa sebab yang munasabah.

- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

9 Pematuhan Kepada Undang-Undang Oleh Kontraktor.

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

10 Tempoh Kecacatan

Tempoh kecacatan sebutharga ini adalah enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Dalam masa enam (6) bulan tempoh kecacatan, pihak Pejabat ini akan mengeluarkan senarai kecacatan jika ada. Kontraktor hendaklah membaiki semua kecacatan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan selepas arahan diterima.

SPEKFIKASI/PENENTUAN KERJA

1. KERJA – KERJA PENYEDIAAN AWAL

1.2 Kontraktor dikehendaki menyediakan peralatan keselamatan untuk semua pekerja semasa berada di tapak.

1.3 Kontraktor perlu menyediakan gambar foto tapak sepanjang pembinaan sebelum, semasa dan selepas setiap item kerja yang dijalankan dan dibukukan sertadi buat dalam bentuk 2 salinan 'hard copy' dan dihantar kepada Pegawai penguasa selepas kerja siap sempurna keseluruhannya.

1.4 Kerja-kerja permulaan hendaklah dengan membersihkan keseluruhan bahan-bahan yang tidak digunakan dan bahan yang akan ditanggalkan mengikut kehendak Pegawai Penguasa termasuk apa-apa jenis 'material' yang tidak digunakan dan dibuang ketempat buangan milik kontraktor sendiri.

1.5 Pembakaran terbuka tidak dibenarkan sama sekali semasa memulakan kerja hinggalah kerja siap sempurna.

1.6 Kerja-kerja tersebut perlu dirancang dan dilakukan tanpa menghalang orang awam menjalankan sebarang aktiviti di sekitar bangunan .

1.7 Sebelum memulakan kerja, kontraktor dikehendaki mengenalpasti apa-apa kerja yang perlu dijalankan termasuk keperluan barang-barang dan bahan binaan yang digunakan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

1.8 Setiap apa-apa bahan binaan/material yang hendak digunakan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa sebelum digunakan.

- 1.9 Setiap apa-apa bahan binaan/material yang hendak digunakan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa sebelum digunakan.
- 1.10 Kontraktor perlu menjalankan 'setting out' dengan melantik Jurukur Tanah yang berlesen untuk menentukan lokasi yang sebenar di atas tapak dan jajaran bangunan yang dicadangkan.

2. KERJA LONGKANG DAN GABION

- 2.1 Keseluruhan material atau bahan-bahan binaan hendaklah digunakan dari bahan yang bermutu dan diluluskan oleh Pegawai Penguasa.
- 2.2 Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pejabat Tanah bagi menguruskan pemindahan dan permit bagi menjalankan kerja tanah..
- 2.3 Semasa menjalankan kerja tanah, kontraktor hendaklah membuang terlebih dahulu segala bahan yang tidak diperlukan termasuk sebahagian tanah yang lembut sedalam tidak kurang dari 0.3m sebelum dari menambak tanah yang baru dan segala kos untuk buang tanah lembut ini adalah dibawah tanggungan kontraktor dan diperhargakan dalam kerja tanah.
- 2.4 Kontraktor hendaklah membekal longkang konkrit jenis 'U' dari pembekal longkang yang diluluskan oleh JKR. Kontraktor hendaklah terlebih dahulu mengemukakan kepada PP katalog bahan dari pembekal untuk kelulusan sebelum kerja dijalankan.
- 2.5 Kontaktor hendaklah menimbus kembali tanah di bahagian korekan untuk longkang serta memadatkannya.
- 2.6 Kontraktor hendaklah membekal raga 'gabion' bersalut PVC dengan ketebalan 'mesh wire' tidak kurang dari 2.7 mm diameter dan 'mesh saiz' 8 cm x 10 cm.
- 2.7 Kontraktor dikehendaki menggunakan batu bersaiz 6 inci x 9 inci untuk isian batu gabion.

3. KERJA AKHIR

- 3.1 Kontraktor adalah dikehendaki membersihkan dan mengangkut keluar segala bahan yang tidak berguna di kawasan tapak bina ketempat pembuangan kepunyaan kontraktor sendiri sehingga member puashati kepada Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa projek ini.
- 3.2 Permit pengalihan bahan batuan samada yang di bawa masuk atau di bawa keluar dari tapak projek ini adalah menjadi tanggungan kontraktor sendiri.
- 3.3 Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa berhak menolak mana-mana kerja atau bahan binaan yang tidak bermutu dan menepati spesifikasi yang ditetapkan dan sebarang tuntutan gantirugi tidak akan dilayan.
- 3.4 Semua kerja-kerja pembinaan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa terlebih dahulu sebelum memulakan kerja bagi mengelak sebarang pertelingkahan timbul kemudian hari.

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

BIL.	NAMA PROJEK	HARGA (RM)	TEMPOH	PERATUS KEMAJUAN KERJA

NOTA* : Kontraktor dikehendaki menyertakan salinan inden kerja bagi projek/kerja dalam tangan.

SURAT AKUAN PEMBIDA

()

Saya, nombor K.P yang mewakili
..... nombor Pendaftaran
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak
akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
..... atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk
dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa
bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk
dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju
tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan
tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang
berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan:
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SENARAI SEMAK DOKUMEN SEBUT HARGA KERJA

Sila tandakan (✓) Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di Tanda Oleh Kontraktor	Untuk Di Tanda Oleh Pembuka Sebutharga
1	Ringkasan Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap, Cop Syarikat dan Ditandatangani		
2	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap, Cop Syarikat dan Ditandatangani		
3	Jadual Kadar Harga Telah Diisi Dengan Lengkap dan Ditandatangani (jika ada)	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan
4	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir dan kemudahan kewangan bertulis yang disahkan oleh institusi kewangan (untuk sebutharga melebihi RM200,000.00 sahaja)	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan
5	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB 1.Perakuan Pendaftaran 2.Sijil Perolehan Kerja Kerajaan		
6	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor		
7	Surat Akaun Pembida		
8	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		

PENGESAHAN OLEH KONTRAKTOR

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan Dan Cop Kontraktor

Tarikh : _____